

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH B. MOHD NASIR  
(JOHOR BAHRU)**

**SOALAN**

**TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [ JOHOR BAHRU ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) faktor-faktor yang telah menyumbang kepada kegiatan 'Macau Scam' yang semakin berleluasa; dan
- (b) usaha yang akan dijalankan bagi mengekang kegiatan penipuan seperti 'Macau Scam' daripada berulang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui PDRM sangat memandang serius isu-isu berkaitan penipuan atas talian ini. Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), PDRM sentiasa memberikan perhatian terhadap kes-kes jenayah melibatkan Macau Scam kerana kes seumpama ini melibatkan jumlah kerugian yang besar dan sedikit sebanyak mempengaruhi ekonomi negara. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kegiatan Macau Scam yang berterusan. Antaranya Penggunaan *Voice Over Internet Protocol* (VOIP) menyukarkan usaha mengesan dan menyekat panggilan yang dilakukan oleh penjenayah.

Dari segi kemudahan institusi kewangan, penggunaan akaun keldai oleh sindiket merupakan salah satu cabaran kepada PDRM selain kaedah ‘*layering*’ (pemindahan wang ke banyak akaun) menyukarkan lagi pengesanan aliran wang dibuat.

Namun, faktor utama yang menentukan jenayah Macau Scam ini dapat diatasi adalah tahap kesedaran masyarakat. Kecanggihan teknologi, modus operandi yang meyakinkan dan eksloitasi *social engineering* oleh penjenayah Macau Scam di negara ini menyebabkan ada kelompok masyarakat yang mudah percaya dengan panggilan-panggilan palsu ini. Justeru, usaha hebahan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Bagi soalan berikutnya, usaha-usaha yang dilakukan termasuklah meningkatkan penguatkuasaan undang-undang bagi mengesan, menangkap dan seterusnya mendakwa individu-individu atau sindiket yang merancang atau melakukan jenayah penipuan atas talian ini.

Selain itu, PDRM juga mengambil inisiatif untuk menyedarkan masyarakat berkaitan penipuan jenayah atas talian melalui kempen-kempen kesedaran. PDRM turut menjalankan kerjasama dengan lain-lain agensi dan NGO agar trend jenayah ini dapat dihebahkan dan masyarakat sentiasa mendapat maklumat dan mengetahu modus operandi penjenayah Macau Scam yang terkini.

PDRM dari semasa ke semasa menjalankan pameran-pameran di kompleks beli belah serta tempat-tempat yang dikunjungi orang ramai agar trend jenayah ini dapat dihebahkan. Usaha-usaha seperti mengadakan sesi dialog, ceramah dan taklimat kepada kakitangan kerajaan, swasta, persatuan-persatuan, sekolah universiti dan juga NGO-NGO juga dijalankan secara berterusan oleh pihak PDRM.

PDRM turut mewujudkan satu platform akaun Facebook “Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police” bagi berkongsi maklumat dan memberi amaran kepada orang ramai mengenai ancaman penipuan jenayah atas talian ini. Orang awam boleh mengakses maklumat secara hujung jari untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan. Satu portal dan aplikasi untuk memudahkan masyarakat membuat semakan nombor telefon sindiket ataupun akaun-akaun bank yang digunakan oleh sindiket dalam urusan pindahan wang mangsa ke akaun sindiket telah dibangunkan. Portal tersebut boleh dicapai melalui pautan <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> dan kini ia juga boleh dimuatnaik dengan menggunakan telefon mudah alih.